

09 APR 1996

PARLIMEN: PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM BAHASA MELAYU AMALAN BIASA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penggunaan bahasa Inggeris yang diMelayukan adalah amalan biasa.

Demikian juga banyak perkataan daripada bukan bahasa Melayu sudah diterimapakai dan dianggap sebagai perkataan Melayu, katanya ketika menjawab soalan Karpal Singh (DAP-Jelutong) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir berkata perkataan-perkataan daripada bahasa Arab, Parsi, Portugis, Cina dan sebagainya sudah diserapkan ke dalam bahasa Melayu dan sekarang menjadi sebahagian daripada bahasa Melayu.

Beliau juga menjelaskan bahawa gelaran jawatan-jawatan dalam Polis Diraja Malaysia masih menggunakan istilah bahasa Melayu dan gelaran jawatan polis juga akan menjadi sebahagian daripada bahasa Melayu.

Menjawab soalan tambahan Karpal yang ingin tahu bila UMNO mahu menukarkan namanya yang sebenarnya berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata Barisan Nasional masih menunggu DAP untuk menukar namanya dahulu dan ini membuat gamat dengan gelak ketawa.

Menjawab soalan tambahan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) yang bertanyakan kenapa Karpal begitu ambil berat terhadap penggunaan bahasa Melayu, Dr Mahathir berkata: "Sudah menjadi amalam pembangkang yang selalu membangkang."

-- BERNAMA

ARA AKD